



NEGARAKU



MOHAMAD Kamil (kiri), Ili Mazhusna (tengah) dan Muhamad Farid memikul tanggungjawab yang begitu besar sumbangannya kepada negara.

Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my

Bagi kebanyakan kita, melihat stesen atau operasi Transit Aliran Massa (MRT) mungkin sekadar membangkitkan rasa gembira dan bersyukur kerana adanya infrarakayat yang mudah, murah dan selesa.

Kemudahan MRT jelas sekali membawa kebaikan dari sudut ekonomi rakyat kerana harga yang lebih murah berbanding menggunakan kenderaan sendiri atau teksi selain membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di ibu negara.

Namun bagi tiga individu ini, melihat MRT menyusuri rel dan terowong mewujudkan 1,001 perasaan yang tidak dapat dilihat dan dirasakan pengguna MRT lain.

Ini kerana percaya atau tidak, pada usia yang baru setahun jagung apatah ketika masih bergelar 'fresh graduate', tiga belia ini sudah memikul tanggungjawab yang begitu besar sumbangannya kepada negara.

Mereka adalah tiga tenaga profesional muda di MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) yang terbabit secara langsung dalam pembinaan MRT iaitu Jurutera Elektrik Jabatan Terowong, Mohamad Kamil Idris, 27, Arkitek Jabatan Kerja-kerja Penyiapan Akhir Bangunan

(ABWF), Ili Mazhusna Mukhtar, 27, dan Jurutera Jabatan Mekanikal Elektrik (M&E), Muhamad Farid Muhamad Khosim, 24.

Kamil yang mula menyertai MGKT sejak November 2014 berkata, pada awalnya, tidak banyak maklumat diperoleh mengenai MRT kerana waktu itu nama MRT masih baru di Malaysia.

"Saya menghadiri temu duga Gamuda Berhad (MGKT) ketika karnival kerjaya di United Kingdom selepas tamat pengajian Sarjana Kejuruteraan di Imperial College London awal 2014.

"Selepas menerima tawaran kerja, baru saya tahu syarikat gergasi itu adalah syarikat sama yang terbabit dalam pembinaan terowong SMART sepanjang 9.7 kilometer pada 2003 yang menjadi terowong kenderaan dan kolam tadahan pertama seumpamanya di Malaysia.

"Apabila mengetahui MGKT akan terbabit dengan projek lebih besar dikenali MRT yang menjadi projek mega pengangkutan awam di Malaysia, saya bertambah teruja dan tidak sabar untuk mula bertugas," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.


Menurutnya, apa yang lebih menggembirakannya adalah pembabitannya dalam projek MRT akan menjadi sejarah dan dikenang sehingga puluhan, malah mungkin ratusan tahun oleh bukan saja rakyat negara ini, malah masyarakat seluruh dunia.

"Menjadi salah satu tenaga muda yang terbabit secara langsung dalam pengangkutan awam terbesar negara bukan peluang yang datang kepada semua orang sebab itu sejak hari mula pertama bertugas, saya terus menunjukkan komitmen tinggi.

"Ini bukan soal kerja dan gaji semata-mata, tetapi lebih daripada itu ia adalah sumbangan kecil yang mampu saya berikan kepada Malaysia negara tercinta," katanya.

Bagi Muhamad Farid yang juga lulusan Sarjana Kejuruteraan Mekanikal di University Of Sheffield United Kingdom, kebanggaannya menjadi penyumbang idea dan keringat dalam projek pembangunan negara sukar diterjemahkan dengan kata-kata.

"Sebagai jurutera M&E, sudah tentu hasil kerja saya tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi setiap kali melangkah masuk dalam MRT, saya tahu sumbangan kecil saya itu yang membolehkan



MOHAMAD Kamil (kiri), Ili Mazhusna (tengah) dan Muhamad Farid adalah tiga tenaga profesional muda di MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) yang terbabit secara langsung dalam pembinaan MRT.

pengaliran sistem udara sejuk di dalamnya.

"Setiap limpahan cahaya lampu dan bekalan air yang mencukupi pada kedalaman 36 meter di bawah tanah itu adalah hasil keringat kecil saya yang memberi penyelesaian besar pada ribuan, malah mungkin jutaan manusia hari ini dan akan datang.

"Sekurang-kurangnya apabila sudah tua kelak, saya ada kenangan yang masih tersergam sebagai bukti untuk diceritakan kepada anak, cucu atau cicit," katanya.

Perasaan sama dikongsi

arkitek muda, Ili Mazhusna yang menyifatkannya lebih bertuah berbanding dua rakannya itu kerana hasil kerjanya dapat dilihat setiap hari.

"Setiap kali menggunakan Stesen Maluri, saya diselubungi 1,001 perasaan gembira, teruja, terharu dan pelbagai lagi kerana mengenangkan penat lelah melakukan kerja penyiapan akhir stesen terbabit sebelum ia dibuka kepada orang ramai Julai lalu.

"Tugas dipikul bukan mudah apatah lagi empat bulan sebelum MRT dibuka, kami terpaksa bekerja 26 hari

sebulan siang dan malam demi memastikan amanah diberikan siap pada masa ditetapkan.

"Cabaran terbesar adalah apabila setiap hari kami terbaca iklan promosi di akhbar dan media sosial yang mengatakan MRT akan dibuka membuatkan kami terpaksa menggandakan usaha dan tenaga.

"Bagaimanapun, semua itu sudah menjadi kenangan yang tidak mungkin akan dilupakan selain menjadi pengalaman berharga buat kami untuk terbabit dalam pembinaan MRT Jajaran 2 akan datang," katanya.

JURUTERA MUDA PROJEK MRT



MOHAMAD Kamil di dalam MRT.

■ Tiga belia pikul tanggungjawab besar terbabit secara langsung dalam pembinaan pengangkutan awam terbesar negara